

Isu Global Kenaikan Harga Barangan

Situasi global dan serantau menyaksikan kenaikan harga barangan bukan sahaja harga makanan tetapi juga harga barang mentah seperti minyak mentah dan input bahan mentah untuk tanaman bukan sahaja akibat daripada kesan pandemik COVID-19, tetapi juga berpunca daripada ketegangan geopolitik di peringkat antarabangsa, serta faktor di luar kawalan seperti perubahan iklim yang menyebabkan cuaca yang tidak menentu dan menjejaskan pengeluaran makanan.

Negara Brunei Darussalam seperti juga negara-negara lain di seluruh dunia, tidak terkecuali daripada menghadapi pelbagai cabaran akibat dari penularan wabak COVID-19 dan ketegangan politik yang tidak dijangkakan yang melanda dunia pada masa ini. Ditambah lagi situasi Negara Brunei Darussalam sebagai negara pengimport yang mengimport sekitar 70% barangan terutama makanan dari negara luar. Beberapa faktor utama telah mendorong kenaikan harga barangan di dunia antaranya adalah:

Kos pengangkutan dan logistik


Sejak penularan wabak COVID-19 melanda dunia, kos pengangkutan global menurut Freightos Baltic Index Global Container Freight, bagi kontena 40 kaki telah meningkat dari USD1,342 pada Julai 2019 kepada USD9,806 pada Januari 2022. Tambahan lagi, kekurangan pekerja, penutupan premis perniagaan dan kilang pembuatan telah menyebabkan pengurangan penghasilan dan penangguhan penghantaran barangan, yang mana kesemuanya memberi kesan kepada kenaikan harga barangan secara keseluruhan.

Peningkatan harga barang mentah seperti gandum dan jagung

Rusia dan Ukraine adalah di antara pengeluar utama bagi barangan asasi seperti gandum, jagung dan minyak bunga matahari. Di antara kesan ketara ketegangan geopolitik antarabangsa ini adalah kenaikan kos beberapa barangan makanan seperti 1 Freightos Baltic Index (FBX): Global Container Freight Index, www.fbx.freightos.com 2 minyak bunga matahari dan bijirin kepada 13% pada bulan Mac 2022 dengan hanya 1% penurunan pada April 2022 menurut ukuran Indeks Makanan FAO (Food and Agriculture Organisation) berikutan ketegangan geopolitik di peringkat antarabangsa.

High Food Prices

Global index eased slightly in April, while holding near a record



Sekatan eksport barang mentah

Beberapa negara pengeksport terbesar barangan makanan asasi seperti gandum dan minyak masak telah mula melaksanakan strategi untuk mengutamakan permintaan domestik negara masing-masing. Antaranya, India kini menyekat pengeksportan gandum, manakala Indonesia melarang pengeksportan minyak masak termasuk minyak sawit bagi melindungi kepentingan pasaran domestik dan menghalang kenaikan harga komoditi tersebut dalam pasaran domestik masing-masing. Baru-baru ini, Malaysia juga telah mengambil langkah untuk menyekat pengesksportan ayam dalam usaha untuk menstabilkan harga ayam di pasaran domestik. Langkah-langkah menghadkan bekalan sedemikian akan mempunyai kesan kepada negara-negara yang bergantung kepada import.

Kos pengambilan buruh turut terkesan akibat penularan COVID-19 di mana kos pengambilan meningkat termasuk kos-kos perjalanan, kuarantin dan yuran ejen. Ini menyumbang kepada kenaikan kos pembuatan secara keseluruhan dan seterusnya memberi kesan kepada harga barangan di pasaran. Di samping itu, kekurangan bekalan buruh asing akibat daripada sekatan perjalanan juga menyumbang kepada kenaikan kos buruh.

Kesan kepada harga makanan asasi seperti ayam, sayuran

Kos bahan mentah khususnya baja yang kian meningkat telah memberi kesan kepada harga sayur-sayuran. Manakala kos makanan ayam yang meningkat menjejaskan harga ayam dan telur di pasaran. Tambahan juga, dengan keadaan cuaca yang tidak menentu seperti hujan berterusan, atau musim kemarau berpunca dari perubahan iklim dunia telah menjejaskan jumlah penghasilan penanaman seperti bawang merah, ternakan dan sumber penangkapan ikan dan seterusnya menjejaskan jumlah bekalan dan secara langsung mendorong kepada kenaikan harga di pasaran. Sumber rantai bekalan seperti country of origin atau jumlah perantara (intermediaries) dan penjual semula (resellers) sebelum barangan terjual di pasaran runcit juga mempunyai peranan dalam menentukan harga barangan.

Usaha Kerajaan

Dalam menangani krisis kenaikan harga (inflasi) ini, antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE), adalah dengan menjalankan aktiviti pemantauan keatas harga barangan asasi yang dijual oleh sejumlah lebih 350 buah kedai-kedai runcit di Negara Brunei Darussalam. Maklumat mengenai harga ini dikemaskini setiap minggu dan disiarkan melalui aplikasi PenggunaBijak, laman sesawang JPES dan media. Melalui maklumat ini membolehkan pengguna membuat perbandingan harga, serta mengetahui pilihan barangan yang terdapat di pasaran. Barang-barang yang dipantau harganya ialah seperti minyak masak, ayam, telur, daging dan produk pertanian seperti cili, bawang merah, halia, serta barangan kebersihan diri termasuk sungkup muka, pembersih tangan, kit Anti-Gen Rapid Test.

Ketelusan harga, perbandingan harga dan pilihan yang tepat

Walaupun kenaikan harga barangan di Negara Brunei Darussalam didorong oleh faktor-faktor di luar kawalan yang menimpa keadaan global dan serantau, dengan pemantauan harga Kerajaan berusaha untuk menggalakkan prinsip ketelusan (transparency) di kalangan peniaga-peniaga di negara ini. Maklumat mengenai harga-harga barangan di kedai-kedai runcit mudah diperolehi di hujung jari dengan memuatnaik aplikasi PenggunaBijak. Aplikasi PenggunaBijak, membolehkan pengguna membuat perbandingan harga dan membuat pilihan produk atau jenama yang menawarkan harga yang berpatutan. Bagi JPES, inisiatif ini membantu dalam memastikan para peniaga tidak mengambil kesempatan dalam keadaan krisis untuk menaikkan harga yang berlebihan dan tidak munasabah.


Pendekatan A Whole of Nation

Isu kenaikan harga memerlukan pendekatan bersepadu daripada pihak Kerajaan dengan kolaborasi diantara pelbagai Kementerian, dari pihak sektor industri dan juga orang awam dalam bersama menangani dan mencari jalan untuk mengurangkan impak inflasi. Para pengusaha perlu merangka strategi untuk jangka panjang yang berdayatahan seperti mempelbagaikan sumber import dan meningkatkan pengeluaran produk-produk tempatan. Orang ramai khususnya pengguna juga memainkan peranan dengan melaksanakan tanggungjawab dengan melaporkan apa juga amalan perniagaan yang tidak wajar dan tidak beretika kepada pihak berwajib. Pihak Kerajaan pula akan bekerjasama dengan pelbagai agensi yang berkepentingan untuk mengenalpasti apa jua dasar yang perlu dilaksanakan bagi mengurangkan beban kos kehidupan dengan kenaikan inflasi ini terutama kepada golongan yang kurang berkemampuan

Subsidi dan berjimat cermat Rakyat dan penduduk

Negara Brunei Darussalam sangat beruntung dengan subsidi minyak petrol, tenaga elektrik dan beras yang telah sekian lama dihulurkan oleh Kerajaan. Tidak seperti negara-negara luar, peningkatan harga minyak mentah di pasaran telah mendorong peningkatan harga petrol dan seterusnya meningkatkan kos sara hidup. Dalam hal ini, rakyat dan penduduk di Negara ini perlu menghargai subsidi-subsidi yang telah dihulurkan oleh Kerajaan dengan menggunakannya dengan berhemat dan tidak membazir

Kenaikan harga barangan asasi, kenapa?



Senarai harga barangan keperluan terpilih kini di aplikasi **PenggunaBijak**

